

Nama :

Tingkatan :

3756/1
Prinsip
Perakaunan
Kertas 1
Ogos
2019
 $1\frac{1}{4}$ jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2019

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

TINGKATAN 5


Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**.
Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

1. Rajah 1 menunjukkan sebahagian daripada proses kitaran perakaunan.



Rajah 1

- A Buku Tunai
 B Jurnal Belian
 C Imbangan Duga
 D Akaun Komisen Diterima
2. Antara yang berikut, yang manakah merupakan Kod Etika Profesion Perakaunan?
- I Objektiviti
 II Kerahsiaan
 III Kredibiliti
 IV Akauntabiliti
- A I dan II
 B I dan III
 C II dan III
 D II dan IV
3. Berikut merupakan ciri-ciri bagi sesuatu akaun.
- Bersifat tahan lama
 - Tahap kecairan yang rendah
- I Inventori
 II Kenderaan
 III Lengkapan
 IV Akaun Belum Terima
- A I dan II
 B I dan III
 C II dan III
 D II dan IV
4. Kedai Runcit Johari memperoleh keuntungan daripada jualan Aset Bukan Semasa. Keuntungan tersebut dikategorikan sebagai
- A Untung kasar
 B Untung bersih
 C Hasil operasi
 D Hasil bukan operasi

5. Apakah tujuan Penyata Akaun dihantar oleh pihak pembekal kepada pembeli?
- Menambah jumlah hutang
 - Mengurangkan jumlah hutang
 - Mengingatkan pembeli jumlah hutang yang perlu dibayar
 - Mengingatkan pembeli jumlah hutang yang telah dibayar
6. Pada 7 Jun 2019, Puan Mas membeli barang niaga berjumlah RM2 800 secara kredit. Pemborong Sivaji telah menetapkan syarat diskaun seperti berikut :

- Diskaun niaga : 20%
- Diskaun tunai : 10% 10 hari
5% 30 hari

Sekiranya Puan Mas membuat pembayaran pada 15 Jun 2019, berapakah jumlah bayarannya ?

- RM2 016
 - RM2 128
 - RM2 520
 - RM2 660
7. Jurnal Am di bawah diambil daripada buku Perniagaan Harlena.

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2019		RM	RM
Jan 1	Premis	200 000	
	Perabot	46 000	
	Inventori	23 400	
	Overdraf bank		8 900
	Modal		X

Berapakah nilai **X**?

- RM121 700
 - RM139 500
 - RM260 500
 - RM278 300
8. **Jurnal Pulangan Jualan**

Tarikh	Butir	Jumlah
2019		RM
Jun 9	BiZi Enterprise	2 450
17	Kedai Loo	3 800
30	X	<u>6 250</u>

Apakah **X**?

- Akaun Belum Terima
- Akaun Pulangan Jualan
- Jumlah Pulangan Jualan
- Jumlah Jurnal Pulangan Jualan

9. Urus niaga berikut diperoleh daripada Kedai Minuman Healthy Juice.

Dividen diterima dibankkan

Apakah catatan bergu dalam buku Kedai Minuman Healthy Juice?

- A Debit Akaun Bank
Kredit Akaun Dividen
- B Debit Akaun Tunai
Kredit Akaun Dividen
- C Debit Akaun Dividen
Kredit Akaun Bank
- D Debit Akaun Dividen
Kredit Akaun Tunai

10. Antara yang berikut, yang manakah akan direkodkan dalam Akaun Kawalan Belum Bayar?

- A Bank dan Diskaun Diterima
- B Bank dan Pulangan Masuk
- C Hutang Lapuk dan Diskaun Diterima
- D Diskaun Diberi dan Pulangan Keluar

11. Maklumat berikut diperoleh daripada Farah Enterprise.

	RM
Baki awal Akaun Belum Terima	20 640
Baki akhir Akaun Belum Terima	18 280
Pulangan jualan	520
Jualan kredit	42 400

Berapakah jumlah penerimaan daripada Akaun Belum Terima?

- A RM43 400
- B RM43 920
- C RM44 240
- D RM46 800

12. Pernyataan manakah yang menerangkan sebab Akaun Kawalan Belum Bayar berbaki debit?

- A Perniagaan terkurang bayar kepada pembekal
- B Pembekal terlebih bayar kepada perniagaan
- C Perniagaan memulangkan barang selepas akaun dijelaskan
- D Perniagaan memulangkan barang sebelum akaun dijelaskan

13. Akaun manakah yang disenaraikan dengan betul dalam Imbangan Duga?

	Akaun	Ruangan
A	Faedah atas pinjaman	Debit
B	Komisen jurujual	Kredit
C	Pinjaman bank	Debit
D	Kenderaan	Kredit

14. Apakah inventori bagi perniagaan perkilangan?

- A Buruh
- B Mesin
- C Bahan langsung
- D Bahan tidak langsung

15. Antara berikut, akaun yang manakah dicatat di sebelah debit Imbangan Duga?

- I Hutang lapuk
- II Komisen diterima
- III Akaun Belum Bayar
- IV Akaun Belum Terima

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

16. Apakah tujuan penyediaan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi?

- A Mengukur prestasi perniagaan
- B Melihat kedudukan kewangan perniagaan
- C Menyenaraikan baki-baki akaun perniagaan
- D Menunjukkan jumlah aset dan liabiliti perniagaan

17. Apakah kesan ke atas Akaun Untung Rugi jika hasil melebihi belanja?

- A Untung kasar
- B Untung bersih
- C Rugi kasar
- D Rugi bersih

18. Item apakah yang dicatat dalam Akaun Perdagangan dan Untung Rugi dan Penyata Kedudukan Kewangan?

- A Belian
- B Premis
- C Inventori awal
- D Inventori akhir

19. Apakah yang dimaksudkan dengan hutang lapuk?
- A Hutang yang telah dikutip
 - B Hutang yang belum dikutip
 - C Hutang yang sudah pasti tidak dapat dikutip
 - D Hutang yang diragui sama ada dapat dikutip atau tidak
20. Aset Bukan Semasa mengalami kemerosotan nilai kerana
- I Faktor keusangan
 - II Senang dilupuskan
 - III Telah lama disimpan
 - IV Perubahan teknologi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
21. Berapakah jumlah sewa yang perlu direkodkan dalam Imbangan Duga Terselaras jika sewa bulanan ialah RM800 hanya dibayar setakat sembilan bulan dalam tempoh perakaunan?
- A RM800
 - B RM2 400
 - C RM7 200
 - D RM9 600
22. Pembetulan kesilapan berikut dibuat dalam buku Perniagaan Saras setelah kesilapan dikesan.

Akaun Diskaun Diterima	
	RM
Diskaun diberi	120

Akaun Diskaun Diberi	
RM	
Diskaun diterima	120

Apakah kesilapan yang mungkin telah dilakukan oleh Perniagaan Saras?

- A Diskaun diterima dan diskau diberi terlebih catat RM120
- B Diskaun diterima dan diskau diberi berkurang catat RM120
- C Diskaun diterima berkurang catat RM120 manakala diskau diberi terlebih catat RM120
- D Diskaun diterima terlebih catat RM120 manakala diskau diberi berkurang catat RM120

23. Maklumat yang berikut diperolehi daripada Kedai Serbaneka Lilin.

	RM
Jualan bersih	8 000
Kos jualan	2 000
Belanja	1 200

Hitung margin untung bersih Kedai Serbaneka Lilin.

- | | |
|-------|--------|
| A 40% | C 80% |
| B 60% | D 100% |

24. Apakah kaedah yang digunakan untuk menentukan untung rugi bagi perniagaan yang tidak menyimpan rekod dengan lengkap?

- I Kaedah Garis Lurus
- II Kaedah Analisis
- III Kaedah Perbandingan
- IV Kaedah Ansuran Tetap

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

25. Maklumat yang berikut boleh didapati daripada analisis Buku Tunai, **kecuali...**

- A belian dan jualan barang niaga secara tunai
- B belian dan jualan aset dengan cek
- C hutang lapuk
- D bayaran gaji

26. Apakah yang dimaksudkan dengan belanjawan tunai?

- A Buku catatan tentang wang keluar, wang masuk dan baki di tangan
- B Laporan penerimaan dan pembayaran tunai bagi tempoh tertentu
- C Anggaran penerimaan dan pembayaran tunai untuk sesuatu tempoh
- D Perbezaan antara penerimaan dan pembayaran tunai bagi tempoh sebulan

27. Apakah tujuan perniagaan perniagaan membuat Ikatan Perjanjian Perkongsian?

- A Untuk menetapkan hak dan tanggungjawab setiap pekongsi
- B Untuk mengelakkan daripada perkongsian dibubarkan serta-merta
- C Untuk memastikan untung atau rugi perkongsian dibahagikan sama rata
- D Untuk menggalakkan pekongsi melabur modal dengan lebih banyak

28. Apakah butiran yang terdapat dalam ekuiti pemilik perkongsian?

- | | |
|-----------------|------------------------|
| A Ambilan | C Akaun semasa |
| B Untung bersih | D Faedah atas pinjaman |

29. Cheng dan Diana ialah pekongsi yang berkongsi untung atau rugi mengikut nisbah 3:2. Maklumat yang berikut diambil daripada buku-buku perkongsian mereka.

	RM
Modal pada 1 Mei 2019:	
Cheng	40 000
Diana	80 000
Gaji Cheng	10 000
Untung bersih	57 300

Jika faedah atas modal ialah 5%, hitung kongsi untung setiap pekongsi.

	Cheng	Diana
A	RM24 780	RM16 520
B	RM30 780	RM20 520
C	RM34 380	RM22 920
D	RM35 940	RM23 960

30. Akaun Realisasi di bawah ini dipetik daripada buku sebuah perniagaan perkongsian.

Akaun Realisasi	
	RM
Bank	4 000

Urus niaga manakah yang merujuk kepada catatan di atas?

- A Pembayaran kepada pembekal
 - B Perolehan daripada penjualan perabot
 - C Penerimaan diskaun kerana menjelaskan hutang
 - D Pembayaran belanja realisasi
31. Pernyataan di bawah ini berkaitan dengan sejenis modal.

Merupakan syer yang ditawarkan kepada orang awam dan telah dibayar penuh.

Pernyataan di atas merujuk kepada ...

- A Modal syer keutamaan
- B Modal syer biasa
- C Modal tambahan
- D Modal diterbitkan

32. Manakah yang menerangkan ciri syer keutamaan?
- A Kadar dividen tidak tetap
 - B Dividen dibayar selepas bayaran dividen kepada pemegang syer biasa
 - C Berhak mengundi dalam mesyuarat agung
 - D Berhak menerima tunggakan dividen bagi syer keutamaan bersifat kumulatif
33. Encik Nazrul memiliki 10 000 unit syer biasa Syarikat BBB Bhd pada nilai RM1.00 sesyer. Manakah keistimewaan yang diperoleh Encik Nazrul sebagai pemegang syer berkenaan?
- A Diberi keutamaan untuk mengurus syarikat
 - B Berhak menerima tunggakan dividen tahun lepas
 - C Memperoleh dividen pada kadar yang istimewa setiap tahun
 - D Berpeluang mengundi dalam Mesyuarat Agung Tahunan
34. Rekod kewangan manakah yang hanya disediakan oleh sesebuah kelab dan persatuan?
- A Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan
 - B Akaun Perdagangan
 - C Akaun Untung Rugi
 - D Akaun Pengasingan Untung Rugi

Soalan 35 hingga 37 berdasarkan petikan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan Kelab Ceria Murni yang berikut.

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019			
	RM		RM
Dobi	210	Derma am	330
Biasiswa	2 460	Sewa loker	274
Susut nilai kelengkapan	340	Q	1 510
P	430		

35. **P** mungkin merupakan butir-butir yang berikut, kecuali ...
- A hadiah dan piala
 - B majalah
 - C untung restoran
 - D penyelenggaraan premis
36. **Q** mungkin merupakan ...
- A gaji dan upah
 - B pembekal minuman
 - C yuran pertandingan
 - D belanja pesta ria

37. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2019, Kelab Ceria Murni memperoleh
- A lebih RM1 326
 - B kurang RM1 326
 - C dana terkumpul RM1 326
 - D untung kasar RM1 326
38. Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan disediakan untuk menghitung...
- A jumlah penerimaan dan pembayaran modal
 - B lebih atau kurang
 - C baki akhir bank
 - D dana terkumpul
39. Butir-butir yang berikut terkandung dalam Akaun Pengeluaran, **kecuali**...
- A kerja dalam proses akhir
 - B inventori akhir bahan langsung
 - C pulangan jualan barang siap
 - D kadar bayaran kilang
40. Manakah kos prima bagi sebuah kilang?
- I Kos bahan langsung
 - II Kos buruh langsung
 - III Belanja langsung
 - IV Kos overhead
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT